

MEDOLIN TABLET

Salbutamol sulphate (2mg, 4mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MEDOLIN
2. Bagaimana MEDOLIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan MEDOLIN
4. Cara menggunakan MEDOLIN
5. Semasa menggunakan MEDOLIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MEDOLIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan MEDOLIN
MEDOLIN digunakan untuk melegakan penyempitan saluran pernafasan dalam keadaan seperti asma, keradangan lapisan saluran pernafasan dan kerosakan pada kantung udara di dalam paru-paru anda.

Bagaimana MEDOLIN berfungsi
MEDOLIN mengandungi salbutamol yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai *beta agonist*, yang mengendurkan otot dalam saluran pernafasan dan memudahkan pernafasan.

Sebelum menggunakan MEDOLIN

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil MEDOLIN:

- Jika anda mempunyai alahan terhadap salbutamol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam MEDOLIN
- Sekiranya berlaku ancaman keguguran atau kelahiran pramatang

-Sebelum mula menggunakan

MEDOLIN

Ambil perhatian dengan penggunaan MEDOLIN:

- Jika anda mempunyai penyakit jantung yang teruk. Anda perlu maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami sakit dada, masalah pernafasan atau simptom penyakit jantung meneruk
- Jika anda menghidapi diabetes
- Jika anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif

Kehamilan dan penyusuan bayi

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat-ubatan jika anda hamil, merancang untuk hamil atau

menyusu. Oleh kerana salbutamol dirembeskan dalam susu ibu, penggunaan oleh ibu yang menyusu tidak digalakkan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang atau baru-baru ini pernah mengambil apa-apa ubat-ubatan lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Terutama sekali:

- *Beta blocker* seperti propanolol
- Derivatif xanthine
- Ubat steroid
- Ubat diuretik

Cara menggunakan MEDOLIN

-Berapa banyak harus digunakan

Medolin diambil secara oral.

Dos untuk orang dewasa:

Dos awal biasa ialah 2-4mg tiga hingga empat kali sehari. Jika tidak mendapat respons yang baik, dos boleh ditingkatkan secara beransur-ansur kepada maksimum 8mg empat kali sehari.

Dos untuk warga tua: Warga tua dan golongan yang sensitif terhadap ubat jenis ini harus bermula dengan 2mg sebanyak tiga atau empat kali sehari.

Dos untuk kanak-kanak:

Kanak-kanak berumur 2 – 6 tahun: Satu dos 1mg hingga 2mg diambil tiga atau empat kali sehari.

Kanak-kanak berumur 6 – 12 tahun: Satu dos 2mg diambil tiga atau empat kali sehari.

Kanak-kanak berumur melebihi 12 tahun: Satu dos 2mg hingga 4mg diambil tiga atau empat kali sehari.

-Bila perlu digunakan

Ambil tablet MEDOLIN tiga atau empat kali sehari atau seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Jika anda tidak pasti, rujuk pada label pada karton atau semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan MEDOLIN untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambilkannya dengan segera. Walaubagaimanapun, jika ia hampir masa untuk dos yang seterusnya abaikan dos yang tertinggal dan kembali kepada jadual dos yang biasa. Jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Pengambilan secara berlebihan boleh menyebabkan otot bergetar, debaran jantung dan tahap kalium yang rendah.

Semasa menggunakan MEDOLIN

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan MEDOLIN.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi MEDOLIN dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Maklumat penting mengenai bahan-bahan dalam MEDOLIN – laktosa
MEDOLIN mengandungi laktosa. Sekiranya anda diberitahu doktor bahawa anda mempunyai intoleransi terhadap beberapa jenis gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

MEDOLIN TABLET

Salbutamol sulphate (2mg, 4mg)

Jika ubat tidak dapat melegakan simptom seperti biasa, jangan tambahkan dos atau kekerapan penggunaannya, anda harus mendapatkan nasihat perubatan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, MEDOLIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami:

- Reaksi alahan (hipersensitiviti): bengkak muka, bibir, tekak atau lidah, atau gatal-gatal, kesukaran bernafas, tekanan darah rendah, pengsan
- Tahap kalium darah yang rendah: sentakan, kelemahan atau kekejangan otot, denyutan jantung yang tidak teratur
- Sakit kepala, getetar yang ringan, pengecutan otot.

Kesan sampingan yang biasa seperti

- Debaran jantung, denyutan jantung yang lebih cepat daripada biasa

Jika anda menghidap diabetes, salbutamol boleh meningkatkan paras gula darah anda dan menyebabkan peningkatan dalam jumlah asid dalam badan anda (ketoasidosis).

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mendapati kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [(Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) of Vaccines (AEFI))

Cara penyimpanan dan pelupusan MEDOLIN

-Penyimpanan

Simpan di luar jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C, di dalam bungkusan asal

-Pelupusan

Jangan gunakan MEDOLIN selepas tarikh luput yang dinyatakan pada bungkusan.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi untuk cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

MEDOLIN 2mg: tablet berbentuk bulat dan rata, berwarna merah jambu dengan diameter 7mm dan bergaris

MEDOLIN 4mg: tablet berbentuk bulat dan rata, berwarna merah jambu dengan diameter 8mm

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Bahan aktif adalah salbutamol

Bahan tidak aktif

Lactose monohydrate, microcrystalline cellulose, sodium starch glycollate, colloidal anhydrous silica, allura red E129, magnesium stearate

-Nombor MAL

MEDOLIN 2mg Tablet
MAL 19870732AZ

MEDOLIN 4mg Tablet
MAL 19870740AZ

Pengilang

Medochemie Ltd (Central Factory)
1-10, Constantinoupoleos Street, 3011
Limassol, Cyprus

Pemegang Pendaftaran Produk

Komedic Sdn Bhd
4 Jalan PJS 11/14, Bandar Sunway,
46150 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

06/03/2024

Nombor Siri

NPRA (R4/1)080224/00019

MEDOLIN TABLET

Salbutamol sulphate (2mg, 4mg)
